

BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM

PELAJAR KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK



KKPASIRSALAK

BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENGENALAN

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Kolej Komuniti ini disediakan sebagai satu garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pelajar sepanjang pengajian di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peraturan ini dikuatkuasakan kepada semua pelajar Kolej Komuniti KPM tanpa pengecualian.

Semua pelajar Kolej Komuniti KPM adalah juga tertakluk kepada Undang-undang Malaysia iaitu Akta Pelajaran 1961 dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 - (Akta 174) serta pindaan-pindaannya.

Tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas mana-mana pelajar yang melanggar peraturan-peraturan tersebut mengikut Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 - Bahagian II (Tatatertib Am) Kaedah 26A, Bahagian IV (Tatatertib Lalulintas Jalan) Kaedah 47 dan Bahagian V (Acara Tatatertib) Kaedah 48.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR

1. RUPADIRI

"Pakaian" ditakrifkan sebagai apa jua benda zahir yang dipakai atau ditambah pada mana-mana bahagian anggota pelajar yang menampakkan rupa diri di dalam kawasan Kolej Komuniti seperti pakaian, alat perhiasan dan solekan.

Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan. **Adalah menjadi kewajipan pelajar Islam memakai pakaian yang menutup aurat.**

1. RUPADIRI PELAJAR LELAKI

1. Pakaian ke kelas/bengkel/makmal
 - a. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek. Baju 'T' berkolar sahaja dibenarkan dan tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau menggambarkan mana-mana parti politik. Baju 'T' tidak berkolar (*round neck*) **tidak dibenarkan** kecuali untuk aktiviti sukan.
 - b. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*) dan dikenakan butang dengan sempurna.
 - c. Pemakaian baju kebangsaan (baju melayu) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
 - d. Semua jenis pakaian **tidak** dibenarkan bertampal atau bertampung dalam apa jua bentuk sekali pun.

- e. Berseluar *slack* sahaja dibenarkan. Pemakaian seluar jeans biru, seluar lusuh, seluar ketat, dan seluar *half cut* **tidak** dibenarkan.
 - f. Memakai tali pinggang yang bersesuaian.
 - g. Berkasut dan berstokin.
 - h. Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam **tidak** dibenarkan.
 - i. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising **tidak** dibenarkan.
 - j. Sebarang bentuk perhiasan **tidak** dibenarkan.
 - k. Pakaian khas bengkel/studio/makmal yang ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti.
2. Rambut
- a. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi garisan tengah dahi.
 - b. Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan adalah **tidak** dibenarkan.
3. Perhiasan
- a. Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif **tidak** dibenarkan.

2. RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

1. Pakaian ke kelas/bengkel/makmal
 - a. Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **tidak** dibenarkan.
 - b. Pelajar **tidak** dibenarkan memakai baju yang labuhnya di atas paras pinggang.
 - c. Pelajar **tidak** dibenarkan memakai *skirt* di atas paras lutut.
 - d. Baju 'T' berkolar yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju 'T' tidak berkolar (*round neck*) **tidak** dibenarkan kecuali untuk aktiviti sukan.
 - e. Berseluar ketat, singkat atau menampakkan susuk badan **tidak** dibenarkan.
 - f. Berseluar *slack* sahaja dibenarkan. Pemakaian seluar jeans biru, seluar banyak poket, *corduroy*, seluar *half cut* **tidak** dibenarkan.
 - g. Memakai pakaian yang dibutang dan dizipkan dengan sempurna.
 - h. Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam **tidak** dibenarkan.

- i. Memakai pakaian khas bengkel/studio/ makmal yang ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti.
2. Rambut
 - a. Rambut hendaklah disikat kemas.
 - b. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **tidak** dibenarkan.
 - c. Adalah menjadi kewajipan pelajar Islam menutup aurat (bertudung).
 3. Perhiasan
 - a. Memakai barang kemas **tidak** digalakkan.
 - b. Memakai perhiasan diri bukan pada tempat sepatutnya **tidak** dibenarkan.
 - d. Bersolek secara berlebihan **tidak** dibenarkan.

1. KAD PELAJAR

2. Setiap pelajar mestilah mempunyai kad pelajar rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Kolej Komuniti.
3. Kad pelajar mestilah sentiasa dipakai semasa berada di dalam premis/kampus Kolej Komuniti.
4. Kad pelajar hendaklah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada supaya dapat dilihat dengan jelas.
5. Kad pelajar tidak boleh diconteng, ditampal, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai.
6. Pelajar **tidak** dibenarkan memakai atau menggunakan kad pelajar lain.
7. Sebarang kehilangan kad pelajar hendaklah dilaporkan kepada Unit Pengambilan Pelajar.
8. Kad pelajar yang hilang, rosak atau tamat tempoh perlu digantikan dengan kad yang baru dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti.

1. MENGHADIRI KULIAH/BENGGEL/TUTORIAL

Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/bengkel/tutorial atau lain-lain aktiviti pengajaran berhubung dengan program pengajiannya dan **mestilah** :

1. Kehadirannya tidak kurang 80 %.
2. Berada di dalam bilik kuliah/bengkel/tutorial mengikut jadual yang ditetapkan.

- 3.3 Mendapatkan kebenaran pensyarah untuk meninggalkan kuliah/bengkel/tutorial.
4. Mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran untuk tidak hadir.
5. Memberi alasan bertulis yang munasabah kepada Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran untuk mendapat pengesahan/kelulusan di atas ketidakhadiran sekiranya perkara 3.4 tidak diperolehi terlebih dahulu.

1. MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

2. Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan premis/kampus Kolej Komuniti.
3. Mendapatkan kebenaran pihak berkuasa kampus untuk menampal sebarang notis atau iklan.
4. Segala kemudahan yang disediakan oleh Kolej Komuniti hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat dan selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan lain yang digunakan.
5. Pelajar dipertanggungjawabkan untuk menentukan serta memastikan semua suis lampu/kipas/ penyaman udara/komputer/mesin dimatikan sebelum meninggalkan kelas/bengkel/makmal/dewan kuliah.

1. MENJAGA HARTA BENDA

2. Perbuatan merosakkan harta benda Kolej Komuniti seperti perabot, peralatan dalam bilik/makmal/bengkel, kenderaan rasmi Kolej Komuniti atau menconteng dinding/notis rasmi/pekeliling rasmi atau merosakkan tanaman di dalam premis/kampus adalah menjadi satu kesalahan tatatertib.
3. Pelajar hendaklah menjaga atau memelihara segala kemudahan dan peralatan yang terdapat di Kolej Komuniti supaya kepentingan pelajar lain terpelihara.

1. PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/ BADAN / PERTUBUHAN / KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

2. Pelajar **tidak** dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada menteri atau wakil kuasanya.
3. Pelajar **tidak** dibenar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang diharamkan.
4. Semua aktiviti yang hendak dijalankan di dalam dan di luar premis/kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Kolej Komuniti.

- 6.4 Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam atau di luar premis/kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Kolej Komuniti.

1. MEMILIKI BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN ARAK DAN BERJUDI

2. Pelajar **tidak** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
3. Pelajar **tidak** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau di luar premis/kampus.
4. Pelajar **tidak** dibenarkan mengedar, membahagi-bahagikan atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk tujuan mendapat / tanpa bayaran atau apa-apa balasan lain.
5. Pelajar **tidak** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah bertujuan untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan cara suntikan atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa dadah atau racun.
6. Pelajar **tidak** dibenarkan meminum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk di dalam atau di luar premis/kampus.

- 7.6 Pelajar **tidak** dibenarkan mengurus, menganjur, menjalankan atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian, pertaruhan atau loteri sama ada di dalam atau di luar premis/kampus.

1. GANGGUAN KETENTERAMAN

2. Pelajar **tidak** dibenarkan membuat bising atau menyebabkan bunyi bising atau bercakap secara kurang sopan sama ada di bilik kuliah / dewan kuliah / bengkel / makmal / perpustakaan / pejabat pentadbiran atau berhampiran dengannya.
3. Pelajar **tidak** dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar lain menentang pihak berkuasa Kolej Komuniti.
4. Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) / membuat aduan bertulis / peti cadangan.

9.0 PENCERAMAH LUAR

- 9.1 Pelajar mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Kolej Komuniti sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/perbincangan kepada pelajar di dalam atau di luar Kolej Komuniti. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.

1. KESALAHAN–KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN ATAU PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

2. Mencemar nama baik Kolej Komuniti, kakitangan atau pelajarinya sama ada di dalam atau di luar premis/kampus Kolej Komuniti dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
3. Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti.
4. Merosak, mencacat (vandalisme) harta benda milik Kolej Komuniti, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
5. Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar Kolej Komuniti daripada menjalankan tugasnya yang sah.
5. Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tatatertib di dalam atau di luar premis/kampus.
6. Menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar premis/kampus dengan tujuan untuk menghasut atau memburuk-burukan nama baik Kolej Komuniti atau pihak lain.
7. Menjalankan perniagaan/perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam premis/kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kolej Komuniti.

8. Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai Kolej Komuniti, kakitangan atau pelajarinya.
9. Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak Kolej Komuniti tanpa melalui saluran yang ditetapkan.
10. Menglibatkan diri dengan sebarang bentuk perjudian, pertaruhan atau loteri.
11. Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras/bahan kimia yang memabukkan/mengkhayalkan.
12. Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
13. Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah (porno).
14. Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
15. Mengingkari arahan sah pihak berkuasa tatatertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan Kolej Komuniti yang diberi kuasa.
16. Memalsukan tandatangan atau cop rasmi pihak berkuasa Kolej Komuniti atau pihak lain yang terlibat dengan Kolej Komuniti.
17. Melakukan ugutan atau buli (*ragging*) terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar Kolej Komuniti atau pihak lain pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar premis/kampus.

18. Berkelakuan biadap dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar Kolej Komuniti atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.
19. Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar premis/kampus.
20. Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah sama ada di dalam atau di luar premis/kampus.
21. Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks yang dilarang.
22. Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon secara haram di mana-mana kawasan premis/kampus.
- 10.23 Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
24. Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit dan lain-lain.
25. Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
26. Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual.

27. Terlibat dengan pemboikotan/pemuluan aktiviti sah Kolej Komuniti.
28. Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di dalam atau di luar premis/kampus Kolej Komuniti.
- 10.29 Menimbulkan/menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.
30. Memungut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.
31. Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan atau pertubuhan yang diharamkan oleh Kolej Komuniti atau kerajaan.

1. LARANGAN MEROKOK

2. Pelajar dilarang merokok di mana-mana kawasan premis/kampus Kolej Komuniti.

1. KENDERAAN PELAJAR DAN PERATURAN LALULINTAS

2. Pelajar yang hendak menggunakan kenderaan bermotor persendirian di dalam kawasan kampus mestilah didaftarkan atau mendapat kelulusan bertulis dari pihak Kolej Komuniti.
3. Semua kenderaan bermotor yang digunakan di dalam kawasan kampus mestilah mempamerkan pelekat kenderaan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Kolej Komuniti.
4. Pihak kolej tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan bermotor (termasuk topi keledar) yang rosak atau hilang di dalam kawasan kampus.
5. Semua kenderaan yang digunakan mestilah berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan.
6. Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor di dalam kawasan kampus perlu mematuhi peraturan berikut;
 - a. Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insuran yang sah.
 - b. Mematuhi had laju yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti
 - c. Menggunakan kenderaan bermotor yang tidak mengeluarkan bunyi bising yang kuat atau yang telah diubahsuai.

- d. Memakai topi keledar semasa menunggang dan membonceng motosikal.
 - e. Memakai tali pinggang keledar semasa memandu atau menumpang kenderaan.
 - f. Tidak dibenarkan membawa lebih daripada seorang pembonceng motosikal.
 - g. Meletakkan kenderaan bermotor di tempat yang telah diperuntukkan untuk pelajar.
6. Pelajar lelaki **tidak** dibenarkan membawa pembonceng pelajar perempuan dan begitu juga sebaliknya.
 7. Tidak dibenarkan menunggang atau memandu kenderaan di atas koridor/beranda/kaki lima/halaman berkepong atau dalam bangunan.
 8. Pelajar hendaklah mematuhi semua arahan dan tanda lalulintas yang terdapat di dalam kawasan kampus.
 9. Pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan dan undang-undang bertulis keselamatan jalan raya seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis.

1. HAL-HAL LAIN

2. Pelajar **tidak** digalakkan terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengarah Kolej Komuniti boleh menjejaskan pengajiannya.
3. Pelajar Kolej Komuniti dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej Kolej Komuniti sama ada di dalam atau di luar premis/kampus.
4. Pelajar digalakkan menggunakan peti cadangan yang disediakan untuk memberikan apa-apa cadangan atau maklumbalas mengenai kolej.
5. Pelajar juga tertakluk kepada peraturan-peraturan khas peperiksaan, bengkel, makmal, perpustakaan dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh Kolej Komuniti dari semasa ke semasa.
6. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga barang berharga peribadi seperti motosikal, beg duit, telefon bimbit dan sebagainya. Pihak Kolej Komuniti tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan atau kehilangan barang-barang tersebut.
- 13.6 Adalah menjadi tanggungjawab pelajar yang tinggal di rumah sewa berkelakuan baik, berhemah tinggi dan sentiasa memelihara suasana harmoni dan ketenteraman awam.

7. Pelajar yang tinggal di rumah sewa juga tertakluk kepada peraturan dan undang-undang pihak berkuasa tempatan/awam.
8. Pengarah Kolej Komuniti atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

1. PELANGGARAN PERATURAN

Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut:

1. Tindakan secara pentadbiran sebagaimana yang ditentukan oleh Kolej Komuniti.
2. Hukuman Tatatertib

"Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali.

- a. Amaran
- b. Denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit (RM 500.00)
- c. Penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan institusi selama tempoh yang ditentukan.
- d. Penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di institusi selama tempoh yang ditentukan,

- e. Penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di institusi,
- f. Penyingkiran daripada mana-mana bahagian institusi selama tempoh yang ditentukan.
- g. Pembuangan daripada institusi,

oleh pihak berkuasa tatatertib”.

[Kaedah 48, Akta 174]

14.3 Hukuman Tatatertib Terus

“Pihak berkuasa tatatertib boleh, pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V (Acara Tatatertib), mengenakan hukuman tatatertib terus, dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(i), kaedah-kaedah 6, 21, 22, 23 dan 25 dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib.”

[Kaedah 26A (1), Akta 174]

“Pihak berkuasa tatatertib boleh, menurut budibicaranya, sebagai ganti mengambil mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, iaitu amaran atau denda, tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini di hadapan atau dalam penglibatan pihak berkuasa tatatertib.”

[Kaedah 47 (1), Akta 174]

NOTA



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Kolej Komuniti Pasir Salak
Jalan Lebu Paduka, Changkat Lada
36800 Kg. Gajah, Perak



05-6552300



05-6552800



<https://kkpasirsalak.mypolycc.edu.my/>